



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

TOUCHPOINTS BAJET 2016

BAJET 2016: MENSEJAHTERA KEHIDUPAN RAKYAT

5 KEUTAMAAN

- Pertama:** Memperteguh Ketahanan Ekonomi Negara
- Kedua:** Meningkatkan Produktiviti, Inovasi dan Teknologi Hijau
- Ketiga:** Mempersiaga Modal Insan
- Keempat:** Memperkasa Agenda Bumiputera
- Kelima:** Meringankan Kos Sara Hidup Rakyat

PRESTASI & PROSPEK EKONOMI

- KDNK (2015): 4.5% hingga 5.5%; KDNK (2016): 4.0% hingga 5.0%
- Defisit Fiskal 2016: 3.1% ; Defisit Fiskal 2015: 3.2%
- Hasil Kerajaan Persekutuan 2015 : RM222.5 bilion
- Hasil Kerajaan Persekutuan 2016 : RM225.7 bilion

PERUNTUKAN BAJET 2016

- Peruntukan 2016: RM267.2 bilion
 - i. Belanja Mengurus : RM215.2 bilion
 - ii. Belanja Pembangunan : RM50 bilion
 - iii. Simpanan Luar Jangka : RM2 bilion

KUTIPAN GST & HASIL MINYAK

	2014	2015		2016
	Sebenar Brent (USD99)	Bajet Brent (USD100)	Rev (ER) Brent (USD50)	Bajet Brent (USD48)
	RM Juta			
Hasil Minyak	66,274	62,428	43,872	31,718
<i>o/w PITA</i>	26,956	25,600	9,529	9,331
<i>Dividen PETRONAS</i>	29,000	27,000	26,000	16,000
GST/SST	17,216	31,608	34,635	39,000
SST	17,216	4,608*	7,635*	-
GST	-	27,000**	27,000**	39,000
Jumlah	83,490	94,036	78,507	70,718
Perbezaan Hasil Bersih (y-o-y)	n.a.	10,546	-4,983	-7,789

* SST (Jan-Mac 2015)

** GST Disemak (April-Dis 2015)

MENAMBAH BAIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)

- 1) Kadar Sifar GST kepada semua jenis Ubat Terkawal sebanyak 8,630 di bawah Racun Kumpulan A, B, C dan D meliputi ubat bagi 30 jenis penyakit seperti ubat kanser, kencing manis, darah tinggi & sakit jantung.
- 2) Cadangan barangan tambahan dikenakan kadar sifar GST
 - Susu bayi dan kanak-kanak berasaskan kacang soya dan susu organik;
 - Dhal (Parpu) berasaskan kekacang daripada kacang kuda, kacang hijau dan kacang putih;
 - Akar teratai (*lotus root*) dan sengkung air (*water chestnut*);
 - Biji sawi;
 - Gula merah;
 - Mee kolok kering;
- 3) *Threshold* pendaftaran Skim Kadar Rata di bawah GST bagi Petani berskala kecil diturunkan kepada RM 50 ribu berbanding RM 100 ribu
 - Petani kecil boleh mengenakan tambahan 2% ke atas nilai jualan
- 4) Syarikat MRO dibenarkan menyertai Skim Pedagang Diluluskan (*Approved Trader Scheme*) & tidak perlu membayar GST ke atas pengimportan barang
- 5) Pelepasan GST bagi pengimportan semula barangan yang telah dieksport secara sementara bagi tujuan promosi, penyelidikan atau pameran
- 6) Pelepasan GST pengimportan semula peralatan yang layak yang dieksport secara sementara bagi tujuan sewaan dan pajakan seperti pelantar minyak dan platform terapung
- 7) Pelepasan GST bagi perolehan bahan peralatan latihan oleh pusat latihan kemahiran di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006.
- 8) Rebat tunai bersamaan amaun GST yang dibayar akan dikredit kepada pengguna bagi pengaktifan mulai 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016.

MEMANTAPKAN STRUKTUR CUKAI PENDAPATAN

- 9) Memperkenalkan banjaran pendapatan cukai baharu

BANJARAN PENDAPATAN	KADAR SEDIA ADA	KADAR BAHARU
RM 600,001 – RM 1,000,000	25 %	26 %
> RM 1,000,000	25 %	28 %

MERANCAKKAN PELABURAN DOMESTIK

Sasaran sumbangan pelaburan domestik kepada KDNK pada 26.7% bagi tahun 2016

- 10) Pembangunan *Malaysian Vision Valley* - **RM 5 bn**
 - Meliputi keluasan tanah 108,000 hektar dari Nilai ke Port Dickson
- 11) Pelaksanaan *Cyber City Centre* di Cyberjaya – **RM 11 bn**
- 12) Pembangunan Aeropolis KLIA seluas 1,300 ekar – **RM 7 bn**
- 13) Projek domestik berimpak tinggi Khazanah Nasional Berhad – **RM 6.7 bn**
 - Kesihatan, pendidikan, pelancongan, perisian & infrastruktur komunikasi
- 14) Khazanah memperuntukkan **RM 500 juta** untuk modal teroka & dana ekuiti persendirian termasuk dana teroka modal pelancongan **RM 50 juta**
- 15) Projek RAPID *Complex* Pengerang, Johor - **RM 18 bn**
- 16) Pelaburan Koridor - Projek Pembangunan *Rubber City*, Kedah (**RM 320 juta**), Taman Perindustrian Samalaju, Sarawak (**RM 142 juta**) & Jeti Minyak Kelapa Sawit di Sandakan, Sabah (**RM 20 juta**)
- 17) Pelbagai dana di bawah MIDA – **RM 730 juta**
 - Tumpuan industri Kimia, Elektronik dan Elektrikal, Mesin dan Peralatan, Aeroangkasa, Peranti Perubatan & Perkhidmatan
- 18) Elaun Pelaburan Semula Khas dalam sektor pengilangan & pertanian terpilih bagi syarikat sedia ada
 - Kadar tuntutan 60% daripada perbelanjaan modal yang layak & dibenarkan ditolak 70% daripada pendapatan berkanun untuk tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2018.

MEMPERGIATKAN PASARAN MODAL

- 19) Potongan cukai diberi ke atas kos penerbitan sukuk *Sustainable and Responsible Investments* dan Pengecualian duti setem 20% ke atas surat cara pembiayaan patuh syariah untuk pembelian rumah

MEMPERGIATKAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

Sasaran sumbangan 41% kepada KDNK pada 2020

- 20) Skim Dana Pembiayaan PKS Patuh Syariah sehingga 31 Disember 2017
 - Kerajaan menanggung 2% daripada kadar keuntungan pembiayaan
- 21) Melaksanakan Pelan Induk PKS – **RM 107 juta**
 - Pemberian dana di pelbagai peringkat perniagaan
- 22) Mengukuhkan daya saing usahawan – **RM 60 juta**
 - Skim Anjakan Usahawan
 - Skim Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS
- 23) Menubuhkan *SME Technology Transformation Fund* di bawah SME Bank iaitu pinjaman mudah pada kadar faedah 4% – **RM 200 juta**
- 24) Memperluas Projek Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) & Projek *Automotive Workshop Modernisation* (ATOM) - **RM 18 juta**

MENAMBAHBAIK INFRASTRUKTUR

Malaysia menduduki tangga ke-25 daripada 160 negara - Laporan Indeks Pencapaian Logistik Bank Dunia 2014

- 25) Beberapa projek infrastruktur logistik ;
 - Membina & menambahbaik pengangkutan rel & lebuh raya
 - Projek Penyuraian Trafik Jalan Tun Razak – **RM 900 juta**
 - Kajian pembinaan lebuh raya pesisiran pantai Masjid Tanah - Klebang - Jambatan Syed Abdul Aziz di Melaka
 - Membina Lapangan Terbang Mukah, Sarawak & menaiktaraf lapangan terbang di Kuantan, Pahang dan Kota Bharu, Kelantan – **RM 42 juta**
 - Kajian pembesaran landasan lapangan terbang di Batu Berendam, Melaka

SISTEM PENGANGKUTAN AWAM YANG EFISIEN

- 26) Projek sambungan LRT Laluan Ampang - Putra Heights (siap Mac 2016), Laluan Kelana Jaya - Putra Heights (siap pertengahan 2016) – **RM 10 bn**
- 27) Projek *Mass Rapid Transit* Laluan Sungai Buloh – Kajang (51 km) – **RM 32 bn**
 - Fasa 1 Sungai Buloh – Semantan bermula operasi Disember 2016
 - Fasa 2 Semantan – Kajang dijangka siap pertengahan 2017

- 28) Projek MRT II laluan Sungai Buloh –Serdang – Putrajaya sepanjang 52 km
 - Memanfaatkan 2 juta penduduk dengan anggaran kos **RM 28 bn**
 - Kerja pembinaan bermula suku kedua 2016 dan siap menjelang 2022
- 29) Projek LRT3 dari Bandar Utama, Damansara - Johan Setia, Klang - 36 km
 - Memanfaatkan 2 juta penduduk dengan anggaran kos **RM 10 bn**
 - Kerja pembinaan bermula tahun hadapan dan siap pada 2020
- 30) Rundingan *High Speed Rail* dengan Kerajaan Singapura akan diteruskan
- 31) Perlaksanaan *Bus Rapid Transit* (BRT) KL-Klang (**RM1.5 bn**) & BRT Kota Kinabalu (**RM 1 bn**)

MENAMBAHBAIK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

- 32) Projek jalur lebar luar bandar, *National Fiber Backbone Infrastructure*, Jalur lebar berkelajuan tinggi & sistem kabel dasar laut di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia – **RM 1.2 bn**
- 33) Projek pendigitalan penyiaran nasional bagi meningkatkan kualiti audio visual & memberi nilai tambah kepada kandungan TV serta transaksi data interaktif – **RM 250 juta**

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR LUAR BANDAR

- 34) Program pembangunan infrastruktur
 - Membina & menaik taraf jalan luar bandar sepanjang 700 km - **RM 1.4 bn**
 - Menaik taraf jalan di kawasan penempatan FELDA - **RM 200 juta**
 - Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar kepada 10,000 rumah - **RM 878 juta**
 - Projek Bekalan Air Luar Bandar kepada 3,000 buah rumah – **RM 568 juta**
 - Program Ameniti Sosial terutamanya projek perparitan - **RM 60 juta**
- 35) Program usahawan luar bandar
 - *Rural Business Challenge* & Program Desa Lestari - **RM70 juta**
 - Projek Kenderaan Bas MARA di laluan tidak ekonomik – **RM 67 juta**

MENGGALAKKAN SEKTOR PELANCONGAN

- 36) Sasaran 30.5 juta pelancong pada tahun 2016 dengan sumbangan sebanyak RM 103 bn kepada ekonomi negara
- 37) Melaksana permohonan visa secara atas talian untuk 7 negara
 - China, India, Myanmar, Nepal, Sri Lanka, Amerika Syarikat dan Kanada.

- 38) Pengecualian cukai pendapatan sedia ada sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi pengusaha pelancongan dilanjutkan mulai tahun taksiran 2016 sehingga tahun taksiran 2018

MEMODENKAN SEKTOR PERTANIAN

- 39) Pelbagai program berimpak tinggi - **RM 450 juta**
- Program penanaman buah & sayur, geran pepadanan & penyelidikan produk herba dan penternakan ikan dalam sangkar
- 40) Menaiktaraf infrastruktur saliran & pengairan di kawasan IADA – **RM 180 juta**
- 41) Program Penurunan Harga, tambahan 50 buah Pasar Tani , mewujudkan 150 Agrobazaar Rakyat 1Malaysia – **RM 190 juta**
- 42) Program Pembangunan Agropreneur Muda & Dana Pembiayaan Usahawan Pertanian - **RM 70 juta**
- 43) Penjenamaan semula MARDI, Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian & Jabatan Perikanan serta Projek Ladang Pengganda untuk peningkatan penternakan lembu & ladang ayam kampung – **RM 20 juta**
- 44) Galakan cukai bagi aktiviti pengeluaran bahan makanan dilanjutkan sehingga tahun 2020.
- Diperluas kepada ternakan rusa, tanaman cendawan, kelapa, rumpai laut, lebah madu dan kelulut serta tanaman makanan ternakan

MEMPERKUKUH EKSPORT

- 45) Program Promosi 1Malaysia, Dana Eksport Perkhidmatan dan Dana Promosi Eksport di bawah MATRADE – **RM 235 juta**
- 46) Mempelbagaikan penggunaan matawang asing untuk urusan perdagangan
- Kemudahan *credit swap* Ringgit-Renminbi kepada bank tempatan
- 47) Kelonggaran syarat kepada PKS bagi produk perkilangan untuk tahun taksiran 2016 hingga 2018
- 48) Memperkenalkan galakan percukaian kepada syarikat yang menjalankan aktiviti *Independant Conformity Assesment Body* mulai tahun hadapan
- Mengurangkan kos perkhidmatan penilaian & pematuhan piawaian antarabangsa bagi produk tempatan.

MELONJAKKAN INOVASI DAN KEUSAHAWANAN

- 49) Bagi PKS yang berbelanja untuk projek R&D sehingga RM 50,000, layak menuntut potongan cukai dua kali secara automatik bagi tahun taksiran 2016 sehingga tahun taksiran 2018
- 50) Pelbagai program Agensi Inovasi Malaysia (AIM) - **RM 100 juta**
- 51) Skim Dana Lonjakan Teknologi & Inovasi oleh Malaysia Debt Ventures Bhd – **RM 200 juta**
- 52) Pelbagai program di bawah MaGIC & Menyediakan dana permulaan *Corporate Entrepreneurs Responsibility Fund* – **RM 35 juta**
- 53) Pelbagai program keusahawanan untuk generasi muda – **RM 30 juta**
 - *Global Entrepreneurship Community*, BAHTERA, GREAT, 1MET, *National Innovation Competition* & Projek Perintis *Coding* di sekolah.
- 54) Bagi menggiatkan aktiviti *demand driven innovation* melalui *Public-Private Research Network* (PPRN) – **RM 50 juta**

MEMPERTINGKAT PENGGUNAAN TEKNOLOGI

- 55) Menggalakkan penggunaan teknologi *Industrialized Building System* (IBS)
 - Dana khas IBS *Promotion Fund* – **RM 500 juta** di bawah SME Bank iaitu pinjaman mudah kepada pemaju & kontraktor kategori G5 dan ke bawah.

MEMBUDAYAKAN TEKNOLOGI HIJAU

- 56) Pelbagai program di bawah KeTTHA - **RM 2 bn**
 - Bekalan air bersih termasuk pembinaan loji rawatan air - **RM 877 juta**
 - Meningkatkan mutu bekalan elektrik di Sabah – **RM 515 juta**
- 57) Melaksanakan Pelan Tindakan Mobiliti Elektrik termasuk proses audit tenaga – **RM 45 juta**
- 58) Memperkenalkan Skim Pemetaran Tenaga Bersih dengan kuota 100 MW setahun bagi menggalakkan penggunaan solar *photovoltaic* (PV) oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA)
- 59) Melanjutkan tempoh pelaksanaan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau sehingga 31 Disember 2017 dengan dana **RM 1.2 bn**

MEMANTAPKAN KUALITI PENDIDIKAN MALAYSIA

- 60) Pembinaan 30 sekolah rendah, 27 sekolah menengah, 4 buah MRSM dan 5 buah Sekolah Berasrama Penuh
- 61) Pelbagai program di 9,113 buah kelas prasekolah – **RM 44.6 juta**

MENINGKATKAN PENGUASAAN BAHASA MALAYSIA & BAHASA INGGERIS

- 62) Program Memartabat Bahasa Malaysia & Memperkukuh Bahasa Inggeris - **RM135 juta**
- 63) Program *Dual Language* & Program *Highly Immersive* – **RM 39 juta**

BANTUAN PERSEKOLAHAN DAN MAKANAN

- 64) Bantuan persekolahan RM 100 kepada pelajar sekolah rendah & menengah
 - Pendapatan isi rumah RM 3,000 ke bawah
 - Disalurkan mulai Januari 2016, memanfaatkan 3.5 juta pelajar - **RM 350 juta**
- 65) Bantuan makanan bagi murid keluarga miskin (tersenarai dalam eKasih) yang memanfaatkan 550,000 pelajar;
 - Sarapan pagi (**RM 173 juta**) & Makanan waktu rehat (**RM 250 juta**)

MENYELENGGARA FASILITI PENDIDIKAN

- 66) Penyelenggaraan fasiliti dalam aspek keselamatan dan persekitaran pembelajaran – **RM 500 juta**
 - Sekolah Kebangsaan
 - Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
 - Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
 - Sekolah Mubaligh
 - Sekolah Berasrama Penuh
 - Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
 - Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)
 - Sekolah Pondok yang berdaftar
 - Sekolah Menengah Kebangsaan Cina (*Conforming School*) yang mengguna pakai kurikulum Kebangsaan

MEMANTAPKAN PENDIDIKAN TINGGI

- 67) Pelbagai program biasiswa antaranya JPA (**RM 1.65 bn**), KPM (**RM 288 juta**), KPT (**RM 250 juta**) dan KKM (**RM 258 juta**)
- 68) Had maksimum amaun pelepasan ke atas yuran pengajian dinaikkan kepada **RM 7,000** daripada RM 5,000 setahun
- 69) Meneruskan Program Baucar Buku 1Malaysia bernilai RM 250 memanfaatkan 1.2 juta pelajar - **RM 300 juta**.

MENTRANSFORMASI LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL

Sasaran 60% daripada 1.5 juta pekerja baharu adalah berkemahiran TVET pada 2020

- 70) Penubuhan Jawatankuasa Kemahiran Industri bagi menyelaraskan program TVET dengan kerjasama pihak industri
- 71) Antara program TVET
 - Menyediakan peralatan latihan TVET di Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Kemahiran MARA, IKBN, ILP, GiatMARA & Kolej Vokasional – **RM 585 juta**
 - Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) membiayai pelbagai program TVET– **RM 350 juta**
 - Menubuhkan Akademi Pelancongan di Kolej Komuniti Kota Kinabalu dan Kolej Vokasional Sandakan serta Institut Latihan Perindustrian Serian – **RM 80 juta**

MEMPERKASA BELIA, KOMUNITI DAN NGO

- 72) Latihan Teknikal dan Vokasional di Institut Kemahiran Belia Negara & Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara – **RM 280 juta**
- 73) Pembangunan belia dalam kegiatan ekonomi & keusahawanan - **RM 50 juta**
- 74) Mempersiapkan atlet negara untuk menghadapi cabaran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 pada tahun 2017 di Kuala Lumpur - **RM 145 juta**
- 75) Program Pembangunan Podium Sukan Elit – **RM 75 juta**
- 76) Membina Kompleks Sukan Bagan Datoh, Perak & menaiktaraf Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pahang - **RM 22 juta**
- 77) PLKN memanfaatkan 20,000 pelatih – **RM 360 juta**
 - Elemen baru seperti pembentukan kemahiran berfikir secara kreatif & kemahiran teknikal.

- 78) Program pembangunan komuniti, perpaduan, kebajikan masyarakat, kesihatan dan keselamatan – **RM 160 juta**

MENINGKATKAN KUALITI TENAGA KERJA

- 79) 30% daripada Dana terkumpul di bawah HRDF bagi melaksanakan
- Program latihan mengikut keperluan industri setempat di Sabah & Sarawak
 - *Outplacement Centre* bagi melatih semula pekerja yang telah diberhentikan
- 80) Melatih 15,000 peserta melalui SL1M - **RM 250 juta**
- 81) Program *Train & Replace* untuk melatih pekerja tempatan dalam bidang terpilih seperti hospitaliti, perkapalan & pengangkutan – **RM 77 juta**.

MEMPERKASA BUMIPUTERA

- 82) Pelbagai program di bawah TERAJU - **RM 150 juta**
- Skim Usahawan Permulaan Bumiputera & Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi
- 83) Program Peneraju Tunas, Peneraju Profesional dan Peneraju Skil dan Iltizam di bawah Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera – **RM 150 juta**
- 84) Penajaan MARA untuk **72,000** pelajar bumiputera bagi menyambung pengajian di peringkat pendidikan tinggi
- 85) Memantap pemilikan ekuiti serta memperhebat keusahawanan & perniagaan Bumiputera
- EKUINAS (**RM 400 juta**), PUNB (**RM 250 juta**), PHB (**RM 150 juta**)
 - Pembangunan Kampung Baru Kuala Lumpur (UDA Holdings) – **RM 100 juta**

MEMPERHEBAT PEMBANGUNAN SABAH DAN SARAWAK

- 86) Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo (LPB) – bebas tol
- LPB Sarawak (1,090 km) dijangka siap sepenuhnya 2021 - **RM 16.1 bn**
 - LPB Sabah bermula Sindumin ke Tawau (706 km) - **RM 12.8 bn**
- 87) Perkhidmatan pengangkutan kelas ekonomi udara domestik bagi laluan *Rural Air Services* dikecualikan daripada GST
- 88) Skim pinjaman tanpa faedah melalui BSN – **RM 70 juta**
- Membina & membaikpulih rumah termasuk rumah panjang dengan had pinjaman sebanyak RM50,000
- 89) Pemberian subsidi padi huma bagi meningkatkan bekalan makanan dan pendapatan penanam padi - **RM70 juta**
- 90) Program 1 Harga 1 Sarawak & 1 Harga 1 Sabah – **RM 260 juta**
- 91) Program Khas Bumiputera Sabah dan Sarawak terutamanya untuk projek *native customary rights* termasuk pemetaan tanah di Sabah (**RM20 juta**) & di Sarawak (**RM30 juta**) serta *native courts* – **RM 115 juta**
- 92) Perkhidmatan Klinik Bergerak 1 Malaysia di kawasan pedalaman termasuk pembelian bot dan kenderaan baru

MENINGKATKAN TARAF HIDUP ISI RUMAH B40

- 93) Menceburi keusahawanan & mengembangkan perniagaan sedia ada oleh TEKUN – **RM 600 juta**
- RM 500 juta untuk usahawan Bumiputera dan
 - RM 100 juta untuk 10,000 usahawan India melalui Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India
- 94) Membantu usahawan kecil India, SME Bank menyediakan **RM 50 juta**
- 95) Kemudahan pembiayaan mikro oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) -
- Tambahan RM 200 juta dana baharu
- 96) Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India - **RM 100 juta**
- Program ini kerjasama NGO & Institut Latihan Kemahiran Swasta
- 97) Tambahan RM 90 juta termasuk
- Pinjaman mikro kredit penjaja & peniaga kecil Cina termasuk KOJADI
 - Projek infrastruktur & pinjaman mudah kepada penduduk Kampung Baru Cina bagi membantu pembayaran premium tanah & membaik pulih rumah
- 98) Program Latihan Kemahiran & Kerjaya serta Program Peningkatan Pendapatan di bawah KKLW– **RM 50 juta**
- 99) Membantu B40 mendapat pekerjaan & memulakan perniagaan – **RM 100 juta**
- Program kerjasama NGO & Institut Latihan Kemahiran Swasta
- 100) Program Kemajuan & Kebajikan Orang Asli
- Pembangunan Perkampungan Bersepadu - pembinaan jalan perhubungan, penyediaan bekalan elektrik dan air terawat – **RM 80 juta**
 - Bantuan makanan tambahan, wang saku & tambang pengangkutan sekolah – **RM 45 juta**
 - Projek Pembangunan Ekonomi Orang Asli - projek pembangunan ladang getah dan kelapa sawit serta tanaman kontan – **RM 25 juta**
- 101) Memperluas Program eRezeki & eUsahawan dengan peruntukan **RM 100 juta** dibiayai KKMM
- sasaran 100 ribu dari kalangan B40 bagi menambah peluang pekerjaan & peningkatan pendapatan

BANTUAN PESAWAH, PEKEBUN KECIL DAN PENOREH GETAH

- 102) Pelbagai program peningkatan pendapatan dan produktiviti di bawah RISDA dan FELCRA – **RM 852 juta**
- 103) Menambahbaik Insentif Pengeluaran Getah (IPG) – **RM 200 juta**
- Menaikkan Paras Harga Pengaktifan IPG
 - ✓ Getah SMR20 FOB daripada RM4.60 kepada **RM5.50** sekilogram dan
 - ✓ Getah sekerap (*cuplumps*) daripada RM1.75 kepada **RM2.20** sekilogram di peringkat ladang
 - Memanfaatkan 300,000 pekebun getah
- 104) Melaksanakan inisiatif Pemutuan Sebenar Padi dan menambahbaik Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) mulai 1 Januari 2016
- Pemutuan sebenar padi berasaskan penyeragaman harga padi pada paras **RM 1,200** setiap tan metrik
 - Meningkatkan kadar SSHP ke **RM 300** daripada RM248.10 setiap tan metrik
 - Memanfaatkan 155,000 pesawah

MENYEDIAKAN RUMAH MAMPU MILIK

105) Program Pemilikan Rumah

SKIM PERUMAHAN	INFO
PR1MA	<ul style="list-style-type: none"> • 175,000 unit dalam pembinaan & 10,000 unit siap 2016 • Dijual 20% di bawah harga pasaran (Harga rumah: RM100,000-RM400,000)
SPNB	<ul style="list-style-type: none"> • 10,000 unit Rumah Mesra Rakyat • Pemberian subsidi RM20,000 seunit rumah (Harga rumah: RM65,000)
PPA1M	<ul style="list-style-type: none"> • 100,000 unit dibina menjelang 2018 • Bantuan Dana Mudahcara sehingga 25% drpd kos pembangunan (Harga rumah: RM90,000-RM300,000)
PPR	<ul style="list-style-type: none"> • Membina 22,300 unit pangsapuri & 9,800 rumah teres • Harga rumah: RM35,000 (Sem) & RM42,000 (Sabah/Srwak)
Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama	<ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran deposit pembelian rumah pertama mampu milik
Pembangunan Berorientasikan Transit	<ul style="list-style-type: none"> • 5,000 unit rumah PR1MA & PPA1M • Di 10 lokasi sekitar stesen & koridor LRT dan monorel
Orang Asli	<ul style="list-style-type: none"> • 1,500 unit rumah (Harga rumah: RM40,000)
Perumahan Generasi Kedua Peneroka	<ul style="list-style-type: none"> • 20,000 unit (FELDA) - Harga maksima : RM70,000 • 2,000 unit (FELCRA) • 2,000 unit (RISDA)
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	<ul style="list-style-type: none"> • 4,600 unit (Sime Darby Property) • 800 unit (Kwasa Land)

- 107) Pemuliharaan Projek perumahan swasta terbengkalai untuk rumah kos rendah & sederhana oleh KPKT – **RM 40 juta**
- 108) Pengecualian duti setem bagi surat cara pembiayaan kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai
- 109) Membina & membaik pulih 11,000 rumah daif di luar bandar oleh KKLW - **RM 150 juta**
- 110) Penyelenggaraan perumahan awam kos rendah & Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia. Pembiayaan 100% terutamanya pembaikan lif, *railings* dan pendawaian semula dibawah KPKT – **RM 155 juta**

PERKHIDMATAN KESIHATAN BERKUALITI

- 111) Akses perkhidmatan kesihatan;
- Pembinaan 5 hospital iaitu di Cyberjaya, Kemaman, Maran, Pasir Gudang & Pendang
 - Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur mula beroperasi Oktober 2016 – **RM 848 juta**
 - Projek Pembangunan Semula Hospital Kajang
 - Membina dan menaik taraf klinik desa, klinik kesihatan & klinik pergigian berserta kuarters – **RM 260 juta**
 - Klinik 1Malaysia 328 sedia ada dan 33 baharu – **RM 52 juta**
 - Menyediakan bantuan perubatan, termasuk hemodialisis yang memanfaatkan 10,000 pesakit kurang berkemampuan – **RM 72 juta**
 - Pembekalan ubat, *consumables*, vaksin dan *reagents* kepada semua hospital dan klinik Kerajaan - **RM 4.6 bn**
- 112) Caj penuh rawatan bagi warga asing, akan dikenakan bermula 1 Januari 2016.
- Bukan warganegara tidak lagi layak menerima subsidi perubatan

MEMPERKUKUH SISTEM JARINGAN PERLINDUNGAN SOSIAL

- 113) Bantuan bulanan OKU yang memanfaatkan 150,000 OKU – **RM 445 juta**
- Pekerja Cacat (**RM350**), OKU tidak bekerja (**RM200**) & penjaga OKU terlantar (**RM300**)
- 114) Menambah 20 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) menjadikan 528 PDK memanfaatkan 22,000 OKU – **RM 100 juta**
- 115) Bantuan untuk anak daripada keluarga miskin (RM100 hingga RM450 sebulan) & bantuan warga emas miskin (RM300 sebulan) – **RM 662 juta**

MEMPERKUKUH PENGURUSAN BENCANA

- 116) Penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara & program Angkatan Pertahanan Awam Malaysia – **RM 180 juta**
- 117) Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di seluruh negara – **RM 730 juta**
- 118) Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara serta membangunkan Sub-Pusat Gempa Bumi dan Tsunami Nasional di Sabah – **RM 60 juta**

KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

- 119) Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
 - Perolehan 6 buah *Littoral Combatant Ship*, *Sistem persenjataan Very Short Range Air Defence*, Kereta berperisai & Pesawat *Airbus A-400M*
 - Penggunaan *Unmanned Airborne System* untuk meningkatkan keupayaan *Intelligence, Surveillance and Reconnaissance*
 - Kem tentera darat ESSCOM di FELDA Sahabat, Lahad Datu – **RM 523 juta**
 - 4,000 unit kuarters kepada anggota ATM - **RM 160 juta**
 - LTAT akan membina 2,000 unit rumah mampu milik kepada anggota ATM
- 120) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia - **RM 864 juta**
 - antaranya perolehan *Offshore Patrol Vessel* & kapal peronda
- 121) Meningkatkan keselamatan & ketenteraman awam dalam negeri - **RM 13.1 bn**
 - 2 buah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) baharu iaitu di Lawas & Kota Kinabalu serta 10 buah IPD dan 5 buah balai polis dalam pembinaan – **RM 155 juta**
 - Membina 2,000 unit rumah mampu milik bagi anggota PDRM
 - Membina pejabat, kuarters & menaiktaraf depoh tahanan imigresen – **RM 36 juta**
 - Mempertingkatkan langkah keselamatan penjara – **RM 50 juta**
 - Program Bandar Selamat di 60 kawasan hitam antaranya pengasingan laluan pejalan kaki & pencahayaan di kawasan tersebut – **RM 20 juta**
 - Penambahan 500 unit rondaan bermotosikal PDRM & 500 unit kereta peronda – **RM 35 juta**

MENGHARGAI PENJAWAT AWAM

- 122) Menambah baik perkhidmatan awam berkuatkuasa 1 Julai 2016 - **RM 1.4 bn**
- Memberi satu kenaikan gaji tahunan, memanfaatkan 1.6 juta penjawat awam
 - Menambah baik 252 Skim Perkhidmatan, memanfaatkan 406,000 penjawat awam
 - Menetapkan gaji permulaan terendah ke RM 1,200 sebulan, memanfaatkan 60,000 penjawat awam
 - Menetapkan kadar pencen minimum RM950 sebulan memanfaatkan 50,000 pesara awam sekurang-kurangnya 25 tahun tempoh perkhidmatan
 - Melantik secara tetap pegawai lantikan *Contract of Service* yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun, memanfaatkan lebih 10,000 pegawai kontrak

BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M)

- 123) Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) memanfaatkan 4.7 juta isi rumah & 2.7 juta individu bujang – **RM 5.9 bn**
- 124) Kategori baru diwujudkan iaitu peserta dalam senarai e-Kasih
- 125) Pengagihan BR1M

KATEGORI	PENDAPATAN BULANAN	NILAI BR1M
ISI RUMAH	RM3,000 ke bawah	RM1,000 (2015: RM950)
	RM3,001 -RM4,000	RM800 (2015: RM750)
INDIVIDU	RM2,000 ke bawah	RM400 (2015: RM350)
e-Kasih	RM1,000 ke bawah	RM1,050

- 126) Meneruskan Skim Khairat Kematian - RM 1,000 memanfaatkan waris penerima BRIM kategori isi rumah sahaja

MENAMBAH PENDAPATAN BOLEH GUNA M40

Isi rumah berpendapatan antara RM3,860 – RM8,320

- 127) Menaikkan had pelepasan cukai kepada **RM 2,000** daripada RM 1,000 bagi setiap anak berumur di bawah 18 tahun mulai tahun taksiran 2016
- 128) Menaikkan had pelepasan cukai kepada **RM 4,000** daripada RM 3,000 bagi pembayar cukai individu yang pasangannya tidak mempunyai pendapatan
- 129) Memperkenalkan pelepasan cukai terkumpul baharu sebanyak **RM 1,500** untuk ibu & **RM 1,500** untuk bapa bagi meringankan kos saraan anak yang menyara ibu-bapa dengan syarat ibu dan bapa masing-masing tidak berpendapatan melebihi RM2,000 sebulan dan berumur 60 tahun ke atas
- 130) Menaikkan had pelepasan cukai kepada **RM 8,000** daripada RM 6,000 bagi setiap anak berumur 18 tahun ke atas yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian dalam dan luar negara, mulai tahun taksiran 2016
- 131) Menaikkan had pelepasan cukai kepada **RM 8,000** daripada RM 6,000 bagi ibu bapa kepada anak OKU yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian dalam dan luar negara, mulai tahun taksiran 2016

MENAIKKAN CARUMAN WAJIB SKIM PERKESO

- 127) Kelayakan caruman wajib PERKESO dinaikkan kepada **RM 4,000** berbanding RM 3,000 sebulan yang memanfaatkan 500,000 pekerja

MENAMBAH BAIK GAJI MINIMUM

- 133) Menaikkan gaji minimum berkuatkuasa 1 Julai 2016 di semua sektor terlibat kecuali perkhidmatan domestik atau pembantu rumah
 - Semenanjung: Dari RM900 kepada **RM 1,000** sebulan
 - Sabah, Sarawak & WP Labuan: Dari RM800 kepada **RM 920** sebulan

PEMBERIAN KHAS PENJAWAT AWAM

- 134) Pemberian Khas dibuat pada Januari 2016 – **RM 1 bilion**
 - **RM 500** kepada 1.6 juta penjawat awam.
 - **RM 250** kepada 700 ribu pesara



www.treasury.gov.my